**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
*Ministry of Education Malaysia*
**BAHAGIAN SUKAN**
*Sports Division*
**ARAS 1 & 7, BLOK E13,**
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**
**62604 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Tel. : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web: **www.moe.gov.my/bsukan**

KPMSP.600-7/1/6Jld.2 (18)
28 Mac 2016

TERIMA
05 APR 2016
JABATAN PELAJARAN PULAU PINANG

Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**KEJOHANAN LARIAN ANTARABANGSA JAMBATAN SULTAN MAHMUD**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu akan menganjurkan Kejohanan Larian Antarabangsa Jambatan Sultan Mahmud 2016 (LAJSM'16) pada 24 September 2016 (Sabtu) di Dataran Batu Buruk, Kuala Terengganu.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian Sukan memanjangkan jemputan kejohanan ini kepada YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada sekolah dalam negeri masing-masing. Borang penyertaan boleh didapati melalui laman web kejohanan iaitu **www.marathon.terengganu.my** dan pendaftaran *online b*oleh dibuat pada atau sebelum 31 Julai 2016.. Pihak sekolah yang menyertai kejohanan ini perlu mengambil tindakan berdasarkan kepada syarat-syarat berikut:

3.1 Penyertaan sekolah dipersetujui oleh guru besar dan pengetua sekolah;

3.2 Pihak sekolah perlu mendapat dan kebenaran bertulis dari ibu bapa atau penjaga yang membenarkan murid menyertai kejohanan pada tarikh, tempat dan masa yang ditetapkan;

3.3 Penyertaan murid dan guru tidak akan mengganggu atau menjejaskan persekolahan murid;

3.4 Pihak sekolah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat dalam kejohanan tersebut;

| | |
|---|---|
| PENGARAH | Untuk Makluman |
| TIMBALAN PENGARAH | Untuk Tindakan/Maklumbalas |
| KS | Sila Berbincang |
| KPP/KU | Sila Pajangkan |
| AKAUNTAN | Sila Failkan |
| PPD/TL/BDA/T/S | |
| KPP BTP | |
| RA | |



ABDUL ... IM
Ketua Unit Sukan
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang

3.5 Guru Pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah untuk mengiringi murid dalam kejohanan berkenaan; dan

3.6 Sekiranya cuaca ekstrim seperti panas terik, hujan lebat, petir atau angin kencang, pihak sekolah perlu menarik diri pada kejohanan tersebut dan pastikan murid berteduh di tempat yang selamat.

4. Sebarang makluman berkenaan dengan program tersebut pihak sekolah boleh menghubungi Sekretariat Larian Antarabangsa Jambatan Sultan Mahmud iaitu Puan Nurul Aimy binti Kamal (09-6660378 / 014-6064494) atau Cik Fatinartiha binti Mohd Ramli (014-6084494).

5. Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SEHATI SEJIWA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DR. MEHANDER SINGH A/L NAHAR SINGH)**
Pengarah
Bahagian Sukan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Al/ai

s.k:

1. Majlis Sukan Negeri Terengganu
   Gerbang Sukan Negeri Terengganu
   Jalan Lapangan Terbang
   21300 Kuala Terengganu

2. Semua Pengetua Sekolah Sukan Malaysia

3. Semua Pengetua Sekolah Sukan Negeri